

## **“KAMI MEMANG SANGAT MEMERLUKAN BANTUANINI”**

**KUANTAN, 14 JANUARI 2021 :** “Kami memang sangat memerlukan bantuan barang bagi menggantikan barang yang telah rosak kerana banjir,” ujar Timbalan Pengerusi Rumah Kebajikan Anak Yatim dan Fakir Miskin Perempuan Permata Al-Insyirah.

Encik Nor Hamizi Jamaluddin berkata banjir baru-baru ini telah menyebabkan perkakasan terutamanya peralatan elektrik di rumah berkenaan rosak sepenuhnya.

“Air masuk lebih kurang tiga kaki dan tidak surut selama tiga hari menyebabkan peralatan elektrik dan kelengkapan anak-anak di sini rosak.

“Jadi sumbangan ini sangat diperlukan bagi memastikan anak-anak di sini yang akan memulakan sesi persekolahan tidak lama lagi dapat berbuat demikian,” katanya ketika ditemui Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP) selepas menerima bantuan.

Sumbangan disampaikan oleh Ketua Delegasi yang juga Pengarah Program Bantuan, En. Mohammad Aljunaibi berupa tilam, mesin basuh, peti ais, kipas, periuk nasi, televisyen, oven, dapur gas dan kuali selain pek barang makanan.

Nor Hamizi berkata setakat ini, sumbangan ini merupakan sumbangan pertama yang diterima pihaknya dan merasa amat bersyukur.

“Kita cuma nak anak-anak ini dapat duduk dengan selesa, dan barang kelengkapan yang rosak kerana ditenggelami air dapat diganti.

“Tambahan pula ruang tidur anak-anak ini berada di tingkat bawah dan apabila berlaku banjir, barang peribadi termasuklah tilam tenggelam sepenuhnya dan tidak lagi boleh digunakan.

“Saya mewakili pihak rumah ini mengucapkan terima kasih kepada pihak Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Kerajaan Negeri Pahang kerana mengambil berat dengan nasib kami,” katanya.

Rumah Kebajikan Anak Yatim dan Fakir Miskin Perempuan Permata Al-Insyirah yang dibuka sejak 11 tahun lepas menempatkan 25 kanak-kanak perempuan berusia 4 hingga 17 tahun.

Pihak UAE menerusi Persatuan Bulan Sabit Merah UAE menyediakan bantuan banjir kepada 7,000 keluarga mangsa di seluruh negeri Pahang yang diserahkan kepada Menteri Besar Pahang, YAB. Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail pada Selasa lepas. - **PAHANGMEDIA**

**Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)**

**#MajuTerusPahang  
#Pahang1st  
#KerajaanNegeriPahang  
#UKOMP**

**Oleh : Ain Nadhirah Basha**

**Foto : Muhammad Muslimi Abd Rahim**

## (LIPUTAN BERGAMBAR)



